



Sumber: Berita Harian

Ms.34

Khamis, 6 Oktober 2016 **BH**

→ INTERAKTIF

Peningkatan anak tak sah taraf membimbangkan

Masalah gejala sosial dalam kalangan remaja agak membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Statistik dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan sebanyak 159,725 anak tidak sah taraf didaftarkan sejak 2013 hingga 2015. Jika masalah ini tidak dibendung, besar kemungkinan, angka itu akan bertambah hingga menjejaskan kesucian nasab dan keturunan anak terbit.

Selain itu, anak tidak sah taraf juga turut kehilangan beberapa hak dari segi undang-undang dan hukum syarak. Menurut Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, anak tidak sah taraf didefinisikan sebagai bayi yang lahir daripada ibu yang tidak mempunyai sebarang ikatan perkahwinan dengan lelaki yang menyetubuhinya.

Sepintas lalu, antara punca peningkatan jumlah kelahiran anak tidak sah taraf ini adalah akibat pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Pada zaman moden yang serba maju ini, keba-

nyakan remaja mempunyai akaun laman sosial yang memudahkan mereka mencari teman tanpa dipantau ibu bapa, lebih-lebih lagi apabila ibu bapa masing-masing sibuk bekerja dan jarang meluangkan masa bersama.

Kurang didikan agama

Dalam pada itu, kurangnya didikan agama juga menyebabkan mereka gemar mencari keseronokan di dunia tanpa memikirkan azab di akhirat. Hanya selepas ditimpa masalah kehamilan, mereka akhirnya tersedar lalu tidak mahu memiliki anak itu kerana berasakan diri mereka masih terlalu muda untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Akhirnya, bayi yang tidak berdosa menjadi mangsa.

Sedar atau tidak, berdasarkan kajian yang dijalankan Kementerian Kesihatan tahun lalu, seramai 3,980 remaja dalam lingkungan usia 10 hingga 19 tahun, hamil luar nikah. Angka itu amat membimbangkan.



(FOTO BILASAN)

Anak diberi didikan agama sejak kecil boleh elak terjebak gejala sosial.

Fakta nombor

159,725
ANAK

tidak sah taraf
didaftarkan sejak
2013 hingga 2015

3,980
REMAJA

hamil luar nikah
2015

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut mencatatkan peningkatan kes rogol dalam kalangan remaja. Sebanyak 12,473 kes dicatatkan pada 2011 hingga Jun tahun lalu, manakala 11,667 mangsa adalah dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 18 tahun. Sebanyak 435 kes pembuangan bayi juga turut dilaporkan.

Didik adab, batas bergaul

Hakikatnya, masalah gejala sosial ini boleh dielakkan jika ibu bapa menerapkan didikan agama kepada anak mengikut al-Quran dan sunah sejak kecil lagi. Pada masa sama, kasih sayang dan perhatian yang cukup juga perlu diberi agar mereka tidak mencari keseronokan di luar.

Anak juga perlu dididik mengenai adab dan batas pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Penggunaan laman sosial juga harus dipantau. Ibu bapa seharusnya mengambil tahu dengan siapa anak mereka berkawan dan apa yang mereka lakukan.

Sementara itu, masyarakat sekeliling juga wajar mengambil berat terhadap remaja yang gemar bersosial ini dengan membantu membimbing dan menasihati mereka agar kembali ke pangkal jalan. Perlu disedari bahawa bayi yang dikandung oleh remaja yang keterlanjuran itu adalah suci daripada dosa.

Masyarakat jangan pula meminggir dan memandang hina bayi malang itu hanya kerana dosa yang telah dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Nurul Izzaty Mohd Salleh,
Presint 16, Putrajaya